

Fahami tanggungjawab berumah tangga



KEPENTINGAN nilai perhubungan kekeluargaan makin dilupakan hingga mengakibatkan institusi keluarga itu sendiri goyah dan kurang diberi perhatian khusus.

Malah, anak-anak juga sering menjadi mangsa akibat pengabaian yang dilakukan keluarga kerana ibu bapa terlalu bersikap mementingkan diri dan mengagungkan kesenangan diri sendiri.

Ke manakah hilangnya kasih sayang serta ihsan yang dikurniakan? Apakah dosa anak-anak sehingga terpaksa menjadi 'yatim piatu' walaupun masih memiliki kedua-dua ibu bapa?

Pensyarah Kaunseling Keluarga, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Prof Madya Dr Saedah A Ghani berkata, seharusnya sebelum melangsungkan perkahwinan, setiap pasangan perlu terlebih dulu memahami tanggungjawab dalam menjalani kehidupan berumah tangga.

Disebabkan kurang pengetahuan mengenai ilmu kekeluargaan, pelbagai perkara tidak sepatutnya dilakukan antaranya menyerahkan tanggungjawab memelihara anak kepada pihak lain.

Menurutnya, keadaan seperti ini tidak harus berlaku kerana kebajikan dan memelihara anak tanggungjawab yang perlu dipenuhi setiap pasangan berkahwin.

"Anak anugerah berharga bagi melengkapkan sesebuah perkahwinan dan seharusnya amanah berkenaan dijaga sebaik mungkin agar mereka menjadi insan berguna.

"Pengabaian yang dilakukan tanpa sebarang sebab munasabah boleh mengakibatkan tekanan emosi yang ketara terhadap anak-anak berkenaan," katanya.



Pengabaian yang dilakukan tanpa sebarang sebab munasabah boleh mengakibatkan tekanan emosi yang ketara terhadap anak-anak"

>Prof Madya
Dr Saedah A Ghani
Pensyarah Kaunseling
Keluarga Usim

Dr Saedah berkata, banyak faktor yang boleh mengakibatkan kejadian seperti itu antaranya desakan hidup, tekanan kerja, masalah kewangan, kemiskinan dan faktor persekitaran.

Katanya, segala masalah dalaman keluarga seperti keretakan rumah tangga dan ketidaksefahaman antara ibu dan bapa tidak seharusnya dilepaskan pada anak yang tidak mengerti apa-apa dan akhirnya menjadi mangsa keadaan.

"Ibu bapa perlu bersikap profesional dengan tidak mencampuradukkan semua masalah itu, sebaliknya tangani dan cari jalan penyelesaian terbaik bagi memastikan hubungan kekeluargaan tidak terputus.

"Anak-anak tidak sepatutnya dibebani segala masalah yang berlaku kerana pada usia mereka itu sepatutnya apa yang dibincangkan adalah mengenai pembelajaran, bukan sebaliknya," katanya.

Selain itu, sikap lepas tangan yang ditunjukkan ibu bapa jelas menggambarkan ketidakfahaman mereka da-

lam mengharungi perjalanan hidup berkeluarga.

Disebabkan itu, Dr Saedah berkata, paling penting penyesuaian dan pemahaman antara pasangan dilakukan sebelum memutuskan untuk berkahwin.

"Mereka perlu memahami bahawa memelihara anak tanggungjawab yang sangat besar dan perlu ditanggung bersama, bukan hanya bergantung pada sebelah pihak saja.

"Perkongsian seperti itu yang memberikan kemerdekaan dalam kehidupan berumah tangga dan seharusnya ia dijadikan sebagai tanggungjawab yang perlu diberi keutamaan," katanya.

Jika sejak awal pasangan suami isteri sudah menunjukkan tanda tiada persefahaman, ia boleh berlanjutan dan lebih memburukkan keadaan hingga mengakibatkan rumah tangga yang dibina terumbang-ambing tanpa panduan.

Malah, kesan yang dihadapi seluruh ahli keluarga juga amat tinggi dan masing-masing akan menyalahkan sesama sendiri atas segala yang berlaku.

"Dalam menangani faktor tekanan, itu yang menyebabkan ibu bapa ada kalanya mengambil keputusan drastik dengan meninggalkan anak tanpa sebarang jagaan sewajarnya kerana beranggapan ia lebih mudah.

"Anak-anak akan terabai tanpa penjagaan sepatutnya dan kasih sayang yang diperlukan juga tidak diperoleh akibat ketiadaan kedua-dua ibu bapa," katanya.

Demi memastikan nilai kekeluargaan itu tidak hilang, Dr Saedah berkata, ibu bapa perlu memahami sedikit sebanyak ilmu psikologi kekeluargaan.

Ini kerana, penjagaan diri, keluarga dan anak-anak zaman ini berlainan sama sekali disebabkan terlalu banyak dugaan dan cabaran.

"Sebagai tonggak keluarga, ibu bapa seharusnya perlu menjadi ikutan yang baik tetapi sekiranya mereka sendiri tidak dapat menunjukkan teladan yang betul, ia boleh menghancurkan institusi kekeluargaan.

"Tidak salah untuk belajar jika ia dapat memberikan banyak pengetahuan dalam menghadapi masalah keluarga. Sedikit sebanyak ia dapat memberikan kesan positif mengenai cara untuk mengharunginya tanpa melakukan sesuatu perkara yang boleh dikesali kemudian hari," katanya.



AMANAH... setiap anak adalah kurnia Tuhan yang wajar dijaga sebaik-baiknya.

Info

Tip memelihara nilai kekeluargaan:

> Penyesuaian dan perbincangan antara pasangan perlu dilakukan terlebih dulu sebelum membuat keputusan untuk berkahwin.

> Bertolak ansur dalam semua perkara.

> Perlu ada ilmu pengetahuan mengenai nilai kekeluargaan bagi memastikan keharmonian keluarga tercapai.

> Paling penting, perlu ada persediaan dalam penjagaan anak sama ada dari segi kewangan ataupun emosi.